

26/06/2002

Pas yakin pertahan kerusi

PASIR MAS, Selasa - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yakin Pas dapat mengekalkan kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit yang sebelum ini disandang Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

Katanya, pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan itu juga mungkin menyaksikan pertembungan dua keadaan di kalangan penyokong Barisan Nasional (BN) khususnya Umno dan Pas.

"Pas berdepan dengan kehilangan pemimpin, Umno pula masih dikejutkan hasrat Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk berundur.

"Saya tak boleh baca sentimen Umno, namun dalam Pas kami bergerak atas landasan bahawa agama dan politik perlu disatukan.

"Kalau konsep demokrasi dijaga dengan baik dan tiada tekanan tidak menentu, saya yakin Pas dapat kekalkan kerusi itu," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat dan melawat tapak projek pembinaan Jambatan Tendong-Wakaf Che Yeh di sini, hari ini.

(END)